

# Pengisian Dekad Kedua UMS dan Masalah Pengangguran Graduan Tumpuan Utama Naib Canselor Baru



**BERTUKAR TANGAN...** Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin (kiri) menerima fail tugas daripada Tan Sri Dr. Abu Hassan Othman (kanan).

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baru, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin menganggap pengisian dalam dekad kedua UMS amat penting dalam proses pengisian kesarjanaan dan menjadikannya universiti berkelas dunia.

Bagaimanapun, kata beliau ia bukanlah usaha yang mudah dan dapat dilakukan sendiri olehnya.

“Saya tidak dapat melakukannya sendiri. Saya perlu melakukannya bersama rakan-rakan saya dan yang penting para pelajar yang datang ke UMS hendaklah mempunyai pemikiran yang betul dengan berusaha untuk mempertingkatkan pencapaian mereka selaras dengan hasrat dan cita-cita kerajaan,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis ambil serah tugas yang dilaksanakan bersama Naib Canselor pertama UMS, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman, pada 18 Mac 2005.

Menurut Prof. Datuk Dr. Mohd Noh, dalam dekad kedua ini, UMS sudahpun mempunyai kekuatan seperti kajian dalam bidang kepelbagaian biologi yang sudah berkelas dunia kerana di tempat-tempat lain kajian itu tidak ada.

...sambungan dari muka 8

Tan Sri juga menekankan kepentingan bekerja dengan nilai-nilai kejujuran dan keikhlasan yang akan membawa seseorang jauh dalam kerjayanya.

Menurut beliau, perasaan “sense of belonging” dan “pride” akan membuatkan seseorang itu menjadi kakitangan yang cemerlang yang akan membawa UMS lebih jauh lagi dalam persaingan global.

Katanya, “budaya terpaksa” dalam melaksanakan tugas haruslah dikikis kerana ianya kaunter-produktif bukan sahaja kepada sesuatu institusi tetapi juga terhadap individu terbabit.

Selain itu, kata beliau kajian dalam bidang marin juga sudah mencapai kelas dunia, cuma usaha pada masa ini adalah untuk memperkasakan bahagian-bahagian lain supaya ianya seiring dengan pertumbuhan negara.

Ditanya pemberita mengenai perancangan khusus beliau sebagai Naib Canselor baru, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh berkata masalah graduan lepasan UMS yang menganggur akan diberi perhatian dan pihak universiti sangat prihatin terhadap masalah itu.

“Dalam statistik yang kita perolehi daripada kajian penyelidikan yang dijalankan oleh Bahagian Akademik UMS, didapati jumlah graduan UMS yang mendapat pekerjaan selepas enam bulan konvokesyen adalah sekitar 53 peratus.”

Beliau berkata usaha yang perlu diambil ialah meningkatkan peratusan graduan memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan pertama.



**POTONG KEK...** Tan Sri Dr. Abu Hassan (kiri) dan Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin sama-sama memotong kek harijadi tarikh lahir kedua-duanya ialah 18 Mac.